

0103

R B866 DEB

MAHATHIR MUSA

IPOH, 15 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA TINDAKAN DATUK MUSA HITAM HANYA MENARIK PERLETAKAN JAWATANNYA SEBAGAI TIMBALAN PRESIDEN UMNO DAN TIDAK JAWATAN-JAWATANNYA DALAM KABINET TIDAK AKAN MENJEJASKAN PERPADUAN PARTI.

KATANYA, BELIAU BERPENDAPAT KEPUTUSAN DATUK MUSA ITU TIDAK AKAN MEMBAWA SEBARANG AKIBAT KEPADA PARTI.

+ SEJAK MULA-MULA LAGI, APA YANG SAYA FAHAM SEMUA KAWAT YANG SAYA TERIMA DAN KENYATAAN-KENYATAAN YANG DIBUAT MENEGASKAN BAHAWA PERPADUAN PARTI AKAN WUJUD DAN SOKONGAN DIBERI KEPADA MAJLIS TERTINGGI UMNO DAN PRESIDEN, + BELIAU MEMBERITAHU PARA PEMBERITA DI LAPANGAN TERBANG IPOH SEBELUM BERLEPAS KE TROLAK HARI INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA BAHAWA TIDAK TIMBUL LANGSUNG PERSOALAN MENGENAI PERPADUAN PARTI, MALAH UMNO JOHOR PUN TIDAK MENARIK BALIK SOKONGANNYA KEPADA PRESIDEN.

PERDANA MENTERI MENGESAHKAN BAHAWA BELIAU MENERIMA SURAT DARIPADA DATUK MUSA MENGENAI KEPUTUSANNYA MENARIK PERLETAKAN JAWATANNYA SEBAGAI TIMBALAN PRESIDEN. -- LAGI.

1431MST 15 03 86

D109

U B868 DEB

MAHATHIR - MUSA 2 IPOH

KATANYA, MKT AKAN MEMBUAT KEPUTUSAN MENGENAI PERKEMBANGAN TERBARU INI DALAM MESYUARATNYA YANG AKAN DITETAPKAN KEMUDIAN.

APABILA DITANYA SAMA ADA SURAT DATUK MUSA DAPAT DITERIMA OLEHNYA, PERDANA MENTERI BERKATA, +TERPULANGLAH KEPADA MKT UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN MENGENAI PERKARA INI. SAYA TIDAK MEMBUAT SEBARANG KEPUTUSAN MENGENAINYA KECUALI SEBAGAI ANGGOTA BERSAMA MKT.+

SEMASA MENJAWAB SATU LAGI SOALAN SAMA ADA BELIAU LEBIH SUKA MKT MEMBINCANGKAN ISU ITU, BELIAU BERKATA INI BUKANLAH SOAL KEUTAMAAN; IA MERUPAKAN SOAL HAK MKT MEMBINCANGKAN PERKARA ITU DAN MEREKA AKAN MEMBUAT KEPUTUSAN.

+ KAMI TIDAK MEMBUAT KEPUTUSAN SECARA PERSENDIRIAN, KAMI MEMBUAT KEPUTUSAN SECARA BERSAMA,+ TAMBAHNYA.

MENGENAI SAMA ADA BELIAU MEMIKIRKAN SESEORANG UNTUK MENGISI JAWATAN TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA +IA SATU SOALAN \$64,000, SAYA TIDAK MENJAWAB SOALAN SEPERTI ITU.+

PERDANA MENTERI BERKATA SUNGGUHPUN SUDAH MENJADI KEBIASAAN BAGI UMNO BAHAWA TIMBALAN PRESIDEN AKAN MENJADI TIMBALAN PERDANA MENTERI, IA BUKANLAH SATU PERATURAN DAN JIKA DATUK MUSA TIDAK MAHU MENJADI TIMBALAN PERDANA MENTERI IA TIDAK AKAN MENIMBULKAN MASALAH. -- LAGI.

1457MST 15 03 86

D110

U B869 DEB

MAHATHIR - MUSA 3 IPOH

MENGENAI LAWATAN RASMINYA KE PERAK, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU GEMBIRA DENGAN LAWATANNYA ITU TERUTAMA TERHADAP SAMBUTAN YANG DIBERIKAN OLEH RAKYAT.

SOKONGAN LUAR BIASA YANG DITUNJUKKAN OLEH RAKYAT KEPADA KERAJAAN MENUNJUKKAN BAHAWA SEMUA USAHA UNTUK MEMBURUKKAN KERAJAAN TIDAK MENJEJASKAN RAKYAT SAMA SEKALI.

KATANYA, INI MENUNJUKKAN BAHAWA RAKYAT TIDAK SEKALI-KALI DIPENGARUHI OLEH SEMUA TUDUHAN LIAR TERHADAP KERAJAAN. -- BERNAMA

1458MST 15 03 86